

LEMBARAN MAKLUMAT PROGRAM

PROGRAM SKIM PEMBIAYAAN KEPADA PENYEDIA PERKHIDMATAN JELAPANG PADI BAGI PEMBEKAL PADI KEPADA SYARIKAT PADIBERAS NASIONAL BERHAD ("PROGRAM BERNAS PP")

Tarikh : _____

[Diisi oleh Pegawai Jualan]

Sila baca Lembaran Maklumat Program ini bersama dengan terma dan syarat umum sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran Program BERNAS PP.

Sila dapatkan penjelasan daripada Agrobank ('Bank') jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat umum.

1. Apakah Program BERNAS PP ini?

Program BERNAS PP merupakan program yang menyediakan kemudahan pembiayaan modal kerja kepada Penyedia Perkhidmatan yang dilantik oleh BERNAS bagi menguruskan operasi penanaman dan pengurusan hasil untuk pesawah-pesawah yang membekalkan padi kepada kilang-kilang beras BERNAS.

2. Siapakah yang terlibat dalam program BERNAS PP ini?

Pelaksanaan program ini hanya melibatkan jelapang padi yang di bawah pengurusan agensi dan lokasi seperti berikut:

- i. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
- ii. Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)
- iii. Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA):
 - Barat Laut Selangor
 - Pulau Pinang
 - Ketara
 - Seberang Perak

3. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Tawarruq

Konsep *Shariah* yang diguna pakai untuk produk di atas ialah *Tawarruq*. *Tawarruq* terdiri daripada dua kontrak jual beli di mana pelanggan membeli Komoditi daripada Bank pada penambahan harga jualan (Harga Jualan Bank) secara bayaran tertunda dan seterusnya menjual komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi secara tunai pada Harga Belian Bank dengan objektif untuk mendapatkan wang tunai.

"Komoditi" dalam konteks transaksi *Tawarruq* adalah merujuk kepada apa-apa jenis komoditi patuh *Shariah* yang diterima pakai oleh Bank seperti minyak sawit mentah, plastik resin, kredit prabayar atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi yang diniagakan di mana-mana Platform Dagangan Komoditi yang diluluskan oleh Bank.

4. Apakah risiko utamanya?

Sekiranya pelanggan gagal menjelaskan jumlah pembiayaan tertunggak, Bank mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas pelanggan.

5. Adakah saya memerlukan cagaran?

Cagaran daripada pelanggan tidak diperlukan bagi program ini.

6. Adakah saya perlu mengambil perlindungan Takaful?

- Pelanggan digalakkan untuk mengambil Skim Takaful Kredit bagi melindungi jumlah keterhutangan di bawah pembiayaan yang diberikan. Pembayaran boleh dibuat melalui potongan daripada jumlah pembiayaan.
- Pelan perlindungan Takaful diperlukan untuk melindungi baki pembiayaan semasa anda sepanjang tempoh pembiayaan dan/atau terma perlindungan jika berlaku sesuatu yang tidak diingini. Bagi menjaga kepentingan Bank dan Pelanggan pelantikan panel Takaful adalah amat digalakkan. Walau bagaimanapun, Pelanggan adalah dibenarkan untuk memilih penyedia Takaful bukan panel seperti yang diluluskan oleh Bank.

7. Apakah ciri-ciri program ini?

Produk Pembiayaan	Modal Kerja-i (MK-i)
Skop Pembiayaan	Pembiayaan modal kerja bagi tujuan operasi penanaman padi dan pengurusan hasil yang melibatkan item seperti berikut; a) Pembelian benih padi; b) Pembelian baja, racun kawalan dan kos kerja-kerja penjagaan sawah; c) Kos kerja penyediaan sawah bagi penanaman padi yang melibatkan tapak dan penggunaan jentera; d) Kos yang berkaitan penuaian dan penghantaran hasil kepada Kilang Beras Bernas; e) Fi pengurusan kepada Penyedia Perkhidmatan yang menawarkan perkhidmatan pengurusan operasi sawah.
Kadar Keuntungan	4% setahun dikira atas baki bulanan
Kadar Ta'widh	Sepertimana yang diperincikan pada perkara 12 dibawah
Jumlah Pembiayaan	RM _____
Had Kemudahan	Maksima: RM500,000 Minima: RM50,000 - Tertakluk kepada keluasan sawah yang diusahakan iaitu pada kadar RM3,500 per hektar. - Jumlah agregat keseluruhan pembiayaan dibawah skim ini adalah sehingga RM500,000 sahaja dengan pendedahan kredit dikira secara <i>standalone</i>
Tempoh Kemudahan	Tidak melebihi 60 bulan (5 tahun)
Tempoh Pembiayaan	Tidak melebihi enam (6) bulan

8. Apakah tanggungjawab saya?

- Menjelaskan pembayaran kemudahan pembiayaan (jumlah pembiayaan beserta keuntungan).
- Melaksanakan akad bagi transaksi *Tawarruq*.

9. Apakah syarat-syarat kelayakan bagi program ini?

Kriteria khusus kelayakan pemohon adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Pemohon berusia diantara 18 tahun (semasa permohonan) dan sehingga 60 tahun (semasa tamat tempoh kemudahan);
- iii. Perniagaan Penyedia Perkhidmatan hendaklah didaftar atau diperbadankan dibawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- iv. Merupakan Penyedia Perkhidmatan yang didaftarkan dibawah BERNAS;
- v. Hanya melibatkan dikawasan penanaman di jelapang padi berikut:
 - a) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
 - b) Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)
 - c) Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA);
 - Barat Laut Selangor
 - Pulau Pinang
 - Ketara
 - Seberang Perak

10. Apakah dokumen yang diperlukan bagi permohonan Program BERNAS PP ini?

Berikut adalah senarai dokumen yang diperlukan bagi memohon Program BERNAS PP ini:

- Surat lantikan sebagai Penyedia Perkhidmatan dari BERNAS;
- Surat pengesahan BERNAS untuk butiran jumlah kawasan operasi termasuk bilangan petani dan kawasan operasi atau sebarang permintaan dokumen berkaitan oleh pihak bank dari semasa ke semasa;
- Penyata Bank enam (6) bulan terkini (dengan semua akaun Bank yang aktif) dari tarikh permohonan pembiayaan (2 bulan dari tarikh permohonan pembiayaan diterima);
- Bagi syarikat Sdn Bhd, dikehendaki mengemukakan akaun yang telah diaudit tidak melebihi 21 bulan dari tarikh permohonan.

11. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Bayaran Duti Setem	Sepertimana yang terkandung dalam Akta Setem 1949
Caj Guaman & Pengeluaran	Termasuk yuran guaman untuk dokumentasi Kemudahan, pendaftaran gadaian, carian tanah, carian kebangkrutan/mufli, carian penutupan syarikat dan caj-caj lain yang berkaitan (jika berkenaan)
Sumbangan Takaful	Bergantung pada jumlah perlindungan yang diambil untuk Kemudahan.
Fi Pembrokeran	RM7.00 bagi setiap RM1,000,000.00 jumlah pembelian komoditi.

Nota:

- Apa-apa perubahan pada fi dan caj yang berkaitan akan di buat secara bertulis oleh Bank.
- Fi dan caj adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (jika ada) atau mana-mana cukai lain seperti yang ditetapkan oleh kerajaan.

12. Bagaimanakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Bank berhak mengenakan dan menuntut ganti rugi (*Ta'widh*) daripada pelanggan ke atas kerugian sebenar yang dialami oleh pihak Bank akibat pelanggan lewat/gagal membayar bayaran ansuran atau apa-apa jumlah bayaran tertunggak yang perlu dibayar kepada pihak Bank. Jumlah ganti rugi (*Ta'widh*) tidak boleh dikompaun dan dikira dari tarikh bayaran sepatutnya dibayar sehingga pembayaran sepenuhnya berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sepertimana contoh berikut: -

i. Sebelum Tarikh Matang

Ta'widh akan dikenakan ke atas ansuran tertunggak pada kadar sehingga satu peratus (1%) setahun yang akan dikira setiap hari.

$$Ta'widh = \text{Ansuran Tertunggak} \times 1\% \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365/366}$$

ii. Selepas Tarikh Matang

Ta'widh akan dikenakan ke atas baki tertunggak pada kadar *Islamic Interbank Money Market* (IIMM) yang berlaku sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM.

$$Ta'widh = \text{Baki Tertunggak} \times \text{Kadar Semasa} \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365/366}$$

Nota: *IIMM - Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

- Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya Pelanggan gagal untuk mematuhi notis peringatan yang diberikan oleh pihak Bank.
- Bank berhak untuk membuat semakan atau menamatkan kemudahan pembiayaan yang diberikan kepada Pelanggan dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan apabila berlaku sebarang kejadian kemungkiran sepertimana dipersetujui dalam terma dan syarat kemudahan pembiayaan.

13. Bagaimanakah sekiranya saya membuat penyelesaian awal?

- Rebat (*Ibra'*) akan diberikan kepada pelanggan berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu senario (tetapi tidak terhad kepada) berikut:
 - Penyelesaian awal atau penebusan awal atau pembayaran awal;
 - Penyelesaian pembiayaan disebabkan pelaksanaan penstrukturan;
 - Penyelesaian awal oleh Pelanggan bagi kes kemungkiran di mana walaupun Pelanggan mungkir, Pelanggan membuat penyelesaian penuh bagi keterhutangan pembiayaan sebelum tarikh matang;
 - Penyelesaian oleh Pelanggan bagi kes penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.
- Rebat (*Ibra'*) akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$Ibra' = \text{Keuntungan Tertunda} - \text{Caj Penyelesaian Awal}$$

$$\text{Nilai Penyelesaian} = \text{Baki Harga Jualan} + \text{Ansuran Tertanggung} + \text{Caj Bayaran Lewat (jika ada)} - Ibra'$$

14. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Sila kunjungi cawangan Bank berdekatan atau hubungi Bank di:

Alamat : Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur, Malaysia.
 No. Tel. : 1-300-88-2476
 Faks : 603-2691-7790
 Emel : customer@agrobank.com.my

15. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

Jika anda mempunyai sebarang masalah menjelaskan pembayaran anda, hubungi Bank terlebih dahulu untuk alternatif pembayaran. Sila kunjungi cawangan Bank berdekatan atau hubungi Bank di:

Alamat : Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur. No. Tel. : 1-300-88-2476 Faks : 603-2691-7790 Emel : customer@agrobank.com.my	Alamat : Agrobank, Client Relationship Management, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur. No. Tel. : 1-300-88-2476 Faks : 603-2691-7790 Emel : customer@agrobank.com.my
---	--

Selain itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang secara percuma bagi individu. Anda juga digalakkan untuk menghadiri "Program Pengurusan Wang Ringgit Anda" atau "POWER" yang dianjurkan oleh AKPK. Sila hubungi AKPK di:

Alamat : Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra-Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
 No. Tel. : 03-2616-7766
 Emel : enquiry@akpk.org.my

Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
 No. Tel. : 1-300-88-5465
 Faks : 603-2174-1515
 Emel : bnmtelelink@bnm.gov.my

Maklumat Tambahan

Lembaran Maklumat Program – Program BERNAS PP (V1 2025)

Tarikh Berkuatkuasa : **Januari 2025**

UMUM

- Maklumat yang disediakan untuk Lembaran Maklumat Program ini adalah sah bermula dari : _____.
- Pelanggan dinasihati untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon pembiayaan dibawah Program BERNAS PP ini.

NOTA PENTING**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT PEMBAYARAN BAGI PEMBIAYAAN ANDA.****Penafian**

- Segala terma dan syarat dalam Lembaran Maklumat Program ini adalah tentatif/petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Bank. Terma dan syarat terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan pembiayaan.
- Sila ambil maklum bahawa semua maklumat yang dizahirkan di bawah dokumen ini perlu diproses mengikut undang-undang yang berkaitan, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi PDPA 2010. Sila rujuk Polisi PDPA kami yang boleh didapati di laman sesawang www.agrobank.com.my atau anda boleh mengunjungi cawangan terdekat kami sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.